

**LAPORAN EKONOMI MALAYSIA – KE ARAH MASYARAKAT MENENGAH  
DISEMBER 2014  
BANK DUNIA**

**PERKEMBANGAN EKONOMI DAN TINJAUAN TERKINI**

**Ekonomi Malaysia terus berkembang pada tahun 2014, walaupun tidak sekata.** Selepas prestasi yang kukuh pada separuh pertama, keluaran dalam negeri kasar (KDNK) berkembang sebanyak 3.5 peratus pada suku ketiga (q/q saar). Eksport membantu peningkatan pertumbuhan pada suku pertama dan kedua (S1: 5.0, S2: 6.1 peratus), tetapi momentum tersebut gagal dikekalkan pada suku ketiga (S3: -10.4 peratus). Permintaan dalam negeri kekal menjadi pemacu utama kepada pertumbuhan, dengan sumbangan hampir 2/3 daripada pertumbuhan dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun ini. Secara keseluruhan, KDNK benar dijangka mencatat pertumbuhan sebanyak 5.7 peratus pada tahun ini, peningkatan daripada 4.7 peratus pada tahun 2013.

**Penggunaan swasta disokong oleh pasaran buruh yang stabil dan pertumbuhan pendapatan isi rumah.** Penggunaan swasta kekal mampan walaupun dengan keadaan fiskal dan kredit yang lebih ketat dengan perkembangan pada kadar purata sebanyak 9.3 peratus dalam tempoh sembilan bulan yang pertama pada tahun 2014 (q/q saar). Trend ini disokong oleh pertumbuhan kredit yang masih mantap, tenaga kerja yang stabil dan pertumbuhan pendapatan yang berterusan.

**Persekitaran global yang lebih lemah dan harga komoditi yang lebih rendah menyebabkan penurunan dalam pertumbuhan eksport.** Benurunan harga mentak mentah telah memberikan kesan yang besar kepada penurunan permintaan eksport komoditi, terutamanya dari China sejak bulan Jun yang lalu. Pertumbuhan eksport bukan komoditi turut menjadi perlahan dalam semua destinasi. Eksport elektrik dan elektronik telah mencatatkan perkembangan yang paling rendah dalam enam suku yang lalu.

**Pertumbuhan dijangka menjadi lebih perlahan pada tahun 2015.** Pertumbuhan eksport dijangka menurun kepada 4.1 peratus pada tahun 2015 (2014: 5.4 peratus). Pelaburan dalam minyak dan gas menjadi lebih perlahan dan penggunaan swasta juga dijangka perlahan, memandangkan realiti pengguna yang perlu menyesuaikan diri dengan harga yang lebih tinggi berikutan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) yang akan dilaksanakan pada bulan April 2015 dan kredit akan lebih perlahan. Ekoran ini, dan asas yang tinggi pada tahun 2014, unjuran pertumbuhan KDNK pada tahun 2015 telah disemak semula kepada 4.7 peratus.

**Harga komoditi yang lebih rendah akan menyebabkan penyusutan lebih akaun semasa.** Berikutan eksport yang lemah dan bayaran faktor yang lebih tinggi, akaun semasa menyusut kepada 2.9 peratus daripada KDNK pada suku ketiga. Apabila harga gas asli merosot seiring dengan penurunan harga minyak mentah dan import firma untuk membina semula inventori, akaun semasa dijangka terus menurung kepada 3.1 peratus kepada KDNK pada tahun 2015 (4.2 peratus pada tahun 2014). Walaupun penurunan harga minyak yang seterusnya akan menambahkan tekanan ke atas akaun semasa, penggubal dasar seharusnya mengelak daripada menanggungkan pelaburan produktif seperti MRT.

**Di bawah unjuran harga minyak yang terkini, konsolidasi fiskal berada pada landasan yang betul, tetapi berisiko tinggi.** Pengurangan subsidi bahan api, kadar pertumbuhan perbelanjaan kakitangan yang lebih sederhana dan perbelanjaan peruntukan pembangunan yang kurang daripada peruntukan berkemungkinan dapat membantu kerajaan untuk memenuhi sasaran defisit sebanyak 3.5 peratus daripada KDNK pada tahun 2014. Oleh yang demikian, nisbah hutang-kepada-KDNK akan berkurang kepada 53.8 peratus. Penghapusan subsidi bahan api akan membantu penjimatan kerajaan sebanyak kira-kira RM10-12 bilion pada tahun 2015, di mana ia dapat membantu mengimbangi kerugian yang disebabkan oleh hasil minyak yang lebih rendah. Namun begitu, kemerosotan harga minyak yang berlanjutan mungkin menyebabkan kerugian yang melebihi penjimatan datang daripada penghapusan subsidi, ia juga bolehjuga menyebabkan tekanan yang lebih tinggi untuk pembayaran dividen PETRONAS yang lebih rendah, seterusnya memberikan ancaman kepada sasaran fiskal. Oleh yang demikian, pengurusan perbelanjaan yang ketat wajar dilakukan dalam jangka masa sederhana.

**Dasar monetari dijangka terus menyokong pertumbuhan dalam tempoh terdekat.** Untuk kali pertama sejak tiga tahun yang lalu, BNM telah menaikkan Kadar Dasar Semalaman (KDS) sebanyak 25 mata asas pada bulan Julai. Sejak daripada itu, BNM telah kembali menyokong permintaan dalam negeri dan berkemungkinan mengekalkan usaha untuk menyokong pertumbuhan negarasehingga 2015, memandangkan enjin eksport yang lemah. Walau bagaimanapun, dasar monetari mengekalkan pemantauan terhadap ketidakseimbangan kewangan, terutamanya hutang isi rumah yang mencapai 87.1 peratus pada S3 2014.

**Penurunan harga minyak dunia yang berlanjutan adalah risiko utama.** Ekonomi Malaysia yang bergantung kepada eksport mudah terdedah kepada pemulihan yang tidak seimbang di negara-negara maju dan pertumbuhan yang perlahan di China. Dasar monetari yang ketat dan keadaan kecairan di luar negara juga berkemungkinan memberi kesan kepada Malaysia. Walaubagaimanapun, seperti yang dibuktikan oleh penyusutan nilai Ringgit Malaysia baru-baru ini, penurunan harga minyak yang selanjutnya adalah risiko utama dan ini akan memberi tekanan kepada akaun luar dan akaun fiskal.

**Keadaan dalam negeri yang lebih ketat akan menghadkan pilihan dasar ekonomi untuk merangsang pertumbuhan.** Pelaksanaan GST, penurunan harga minyak dan komitmen kepada konsolidasi fiskal akan terus menghadkan pilihan dasar untuk merangsang permintaan dalam negeri. Sehubungan itu, menjamin pertumbuhan yang berterusan adalah perlu untuk mengimbangi keadaan pada tahun 2015 dan ianya bergantung kepada keupayaan Malaysia untuk melaksanakan pelaburan yang produktif dan pembaharuan struktur.

**Laporan penuh boleh dimuat turun di:**

<http://www.worldbank.org/en/country/malaysia/publication/malaysia-economic-monitor-december-2014-towards-a-middle-class-society>

## **KE ARAH MASYARAKAT KELAS MENENGAH**

**Negara Malaysia telah mencapai kemakmuran bersama dari pelbagai segi.** 'Kemakmuran bersama' di sini merujuk kepada pengurangan di dalam ketidaksamaan pendapatan yang terhasil apabila kadar pertumbuhan pendapatan bagi golongan berpendapatan bawahan lebih tinggi berbanding kadar bagi golongan berpendapatan tinggi, walaupun kedua-dua golongan masing-masing mengalami pertumbuhan dalam pendapatan. Kemakmuran bersama juga telah tercapai apabila Malaysia berjaya memanfaatkan hasil sumber semulajadinya bagi membasmi kemiskinan tegar dalam tempoh masa 40 tahun. Kadar kemiskinan tegar menurun secara mendadak dari 49 peratus pada tahun 1970 kepada 1 peratus pada tahun 2014. Bilangan warga Malaysia yang berisiko terjerumus ke dalam golongan miskin tegar turut menurun dalam tempoh yang sama.

**Namun begitu, walaupun ketidaksamaan telah pun menurun berbanding dengan keadaan pada tahun 1970-an, ianya tetap tinggi jikalau dibandingkan dengan negara-negara berpendapatan tinggi.** Pekali Gini bagi pendapatan telah menurun daripada 55.7 pada tahun 1976 kepada 42.1 pada tahun 2014. Walaupun masih terdapat segelintir ketidaksamaan di antara kumpulan-kumpulan etnik, memandangkan bahawa 96.4 peratus daripada ketidaksamaan pendapatan negara secara amnya melibatkan ketidaksamaan di dalam sesuatu golongan etnik sendiri, tumpuan bagi membasmikan jurang pendapatan dan ketidaksamaan harus diberi kepada inisiatif yang merentasi semua golongan.

**Dasar-dasar ekonomi yang wajar merupakan mana-mana dasar yang mempertingkatkan ekuiti dan dilaksanakan dengan baik.** Tahap ketidaksamaan yang lebih rendah di dalam sesebuah negara mempunyai potensi untuk memperkukuhkan serta mempercepatkan pertumbuhan ekonomi dengan memperkuat perpaduan sosial, melemahkan sokongan politik untuk dasar yang radikal mahupun yang mewujudkan herotan, dan membesarkan saiz kelas pengguna yang boleh menjanakan ekonomi skala untuk perniagaan tempatan. Cingano (2014) menganggar bahawa pertumbuhan di Mexico dan New Zealand akan menjadi 10 peratus lebih tinggi di dalam tempoh dua dekad yang terdekat sekiranya tahap ketidaksamaan tidak meningkat.

**Perjalanan Malaysia ke arah kemakmuran bersama telahpun memasuki satu fasa yang baru, iaitu bergerak ke arah membina masyarakat kelas menengah.** Transformasi ke arah negara yang berpendapatan tinggi merupakan mekanisme ke arah mencapai masyarakat yang kebanyakannya daripada golongan sederhana. Pendapatan negara kasar yang lebih tinggi sememangnya akan menjana kekayaan, tetapi tidak semestinya memenuhi keperluan dan aspirasi warga Malaysia. Pengagihan pertumbuhan turut merupakan isu yang penting. Sesebuah negara maju tidak hanya memiliki tahap PNK yang tinggi, tetapi juga kelas menengah yang cukup teguh dan menikmati 'kehidupan selesa' yang dibiayai oleh pendapatan tinggi negara.

**Malaysia kini perlu menyahut cabaran untuk menggerakkan isi rumah yang dianggap 'beraspirasi' – kumpulan terbesar dalam masyarakat dalam masa kini – ke arah kelas menengah.** Keutamaan pertama sesebuah negara adalah untuk mengurangkan kemiskinan tegar, iaitu golongan yang mengalami kekurangan keperluan asas seperti makanan dan tempat tinggal. Kedua, sesebuah negara seharusnya melindungi isi rumah yang berisiko tinggi menjadi miskin tegar. Namun, kebanyakan keluarga Malaysia yang bukan miskin ataupun berisiko menjadi miskin, bercita-cita untuk memenuhi bukan sekadar

keperluan asas, tetapi juga mempunyai taraf kehidupan selesa yang dikaitkan dengan kelas menengah. Walaupun definisi kelas menengah semestinya subjektif, purata pendapatan boleh menjadi titik rujukan yang berguna, oleh sebab aspirasi bergantung sedikit sebanyak kepada harta benda orang lain.

**Kebanyakan kumpulan beraspirasi adalah daripada bandar dan mempunyai keluarga yang bersaiz lebih kecil daripada kumpulan miskin atau berisiko, tetapi kurang pendidikan lepas menengah.** 76 peratus daripada isi rumah beraspirasi tinggal di kawasan bandar. Hanya 16 peratus memiliki ijazah pengajian tinggi berbanding dengan 55 peratus daripada kelas menengah dan ke atas yang dicita-citakan. Walau bagaimanapun, kumpulan beraspirasi mempunyai pekerjaan yang stabil (majoritinya kakitangan awam atau swasta) dan menikmati kemudahan asas: 78 peratus memiliki kereta sendiri, dan 95 peratus menduduki perumahan yang memuaskan.

**Untuk mempertingkatkan pendapatan kumpulan beraspirasi, kerajaan seharusnya perlu menjalankan dasar yang menaikkan hasil pendapatan daripada pekerjaan, simpanan dan mekanism pemindahan.** Kumpulan beraspirasi memerlukan lebih banyak peluang untuk memperolehi gaji yang lebih tinggi daripada aktiviti pekerjaan – terutamanya melalui akses kepadain pendidikan/latihan lepasan menengah, atau juga melalui aktiviti keusahawanan. Selain itu, kebanyakan isi rumah memerlukan lebih banyak simpanan untuk bersara untul kekal di kelas menengah apabila meninggalkan pasaran buruh. Akhir sekali, skim pindahan memainkan peranan penting bagi mereka yang miskin atau berisiko.

**Bagi mempercepatkan transformasi Malaysia kepada sebuah masyarakat kelas menengah, Malaysia seharusnya mepertimbangkan pembaharuan yang:** i) merapatkan jurang pencapaian pendidikan di peringkat lepasan menengah dengan mempertimbang latar belakang keluarga, termasuk melanjutkan pendaftaran pendidikan pra-rendah sejagat dan dasar-dasar lain untuk mempertingkatkan kualiti sekolah-sekolah yang paling lemah; (ii) menyediakan lebih banyak latihan kemahiran untuk mereka yang sudah berada di dalam pasaran buruh, (iii) mewujudkan jaringan keselamatan sosial yang bersepadu, dengan mekanisme insurans sosial untuk melindungi isi rumah daripada bahana kejutan dan usia tua (contohnya, dengan memperkenalkan insurans pengangguran dan mengarahkan penjimatan subsidi terhadap sumbangan berganda kepada akaun persaraan), dan meningkatkan tahap pemindahan sosial (dengan menyatukan, memperbaiki sasaran dan meningkatkan manfaat program yang sedia ada); (iv) jaringan keselamatan tersebut boleh dibiayai melalui sistem cukai yang lebih progresif (contohnya dengan mengaji semula kadar cukai pendapatan marginal dan mengembangkan bilangan pembayar cukai).

**Laporan penuh boleh dimuat turun di:**

<http://www.worldbank.org/en/country/malaysia/publication/malaysia-economic-monitor-december-2014-towards-a-middle-class-society>